

Kearifan Lokal Menerusi Legasi Generasi Tokoh Seni Kraf Tekat Perak: Kajian Kes Terhadap Karya-Karya Marziah binti Abu Kassim

Harozila Ramli^{1*}, Tajul Shuhaimi Said², Hazwan Chan Heng Aik³, Muhammad Fahmi Esham⁴, Siti Salwa Jamaldin⁵, Mariyati Mohd Nor⁶, Roslaili Anuar⁷

^{1,2,3,4,5,6}Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris

⁷Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM),

^{1*} harozila@fskik.upsi.edu.my

Published: 25 June 2023

To cite this article (APA): Ramli, H., Said, T. S., Aik, H. C. H., Esham, M. F., Jamaldin, S. S., Anuar, R., & Mohd Nor, M. (2023). Kearifan Lokal Menerusi Legasi Generasi Tokoh Seni Kraf Tekat Perak: Kajian Kes Terhadap Karya-Karya Marziah binti Abu Kassim. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(1), 1–11. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.1.2023>

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada kearifan lokal pengkarya seni kraf tekat Perak iaitu Mardziah binti Abu Kassim yang merupakan waris sulung Adiguru Hajah Azizah dalam seni kraf tekat di negeri Perak. Kajian ini adalah untuk mengangkat identiti generasi yang memartabatkan seni tekat melalui hasil kreativiti seterusnya memperkenalkan kepelbagaiannya seni kraf warisan Melayu di persada dunia. Kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes iaitu menerusi temu bual bersama Mardziah Abu Kassim dan menganalisis artifak seni telah membuktikan bahawa kemahiran dan kreativiti beliau mampu menghasilkan suatu idea baharu terhadap keindahan seni kraf tekat. Kemahiran dan kepakaran individu membuktikan bahawa seni warisan kraf tekat ini wajar diteruskan secara turun temurun. Daya kreativiti dan kemahiran Mardziah Abu Kassim terus berkembang dari semasa ke semasa dengan penglibatan berkolaborasi bersama pereka terkenal seperti Rizman Ruzaini dan Jimmy Choo. Hasil sentuhan dan kombinasi idea telah memberi nafas baru dalam bidang fesyen dan tekstil melalui adaptasi kesan tekatan ke atas kepelbagaiannya jenis fabrik. Penggunaan benang emas dan benang perak pada motif flora dan geometrik pada permukaan kain baldu dihasilkan dengan ketelitian tinggi dan halus dapat menonjolkan timbulan garisan yang membentuk motif tekat. Hasil idea ini telah berjaya menampakkan kombinasi idea yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Jelaslah bahawa kejayaan dan pencapaian Mardziah mampu setanding dengan tokoh kraf tempatan yang lain dan memberi sumber inspirasi kepada generasi masa kini. Ilmu kearifaan lokal menerusi legasi adiguru tekat ini sewajarnya dapat dimanfaatkan kepada khalayak agar senikraf tekat warisan tidak pupus dan dilupakan.


Kata kunci: Kearifan Lokal, Generasi, Seni Tekat, Seni Kraf Warisan, Kreativiti

PENGENALAN

Seni tekat adalah seni pertukangan tangan Melayu tradisional yang dihasilkan dengan tekatan benang emas ke atas dasar kain baldu. Bersuji merupakan nama bagi seni tekat pada satu ketika dahulu yang sangat popular dalam pembuatan pakaian kerabat diraja iaitu Sultan Perak. Seni tekat juga dikenali sebagai tuji timbul, suji timbulan, tekat bersuji dan tekatan. Selain itu, tekatan yang dibentuk dengan kertas sederhana tebal bagi memudahkan dan menimbulkan corak di atas kain baldu juga dikenali sebagai seni tekat.

Seperti yang sedia maklum, negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan aneka kraftangan terutamanya seni kraf tekat. Seni tekat amat popular di negeri Perak kerana telah dihasilkan secara turun temurun sejak zaman pemerintahan terdahulu. Pertumbuhan kraf seni tekat juga merupakan penggerak utama dalam pembuatan pakaian rasmi Sultan Abdullah Muhammad Shah II iaitu Sultan Perak yang

ke-26. Pakaian rasmi yang dihiasi dengan keindahan kesan tekat masih dikenalkan sehingga kini dalam upacara rasmi golongan kerabat diraja.



Gambar 1: Sultan Abdullah Muhammad Shah II Mengenakan Pakaian Rasmi
dihiasi tekat benang emas

Sumber: Koleksi Ahmad Khairudin Ismail (Geni.com)

Kemahiran dalam seni menghasilkan tekat dimonopoli oleh golongan diraja pada waktu itu dan tukang tekat dijaga oleh pihak istana. Hal ini kerana istana memerlukan tukang tekat benang emas yang berkemahiran bagi penghasilan benangan hasil tekat yang menvisualkan, kekemasan, nilai, kemewahan dan merupakan barang perlembagaan ketinggian darjah golongan istana. Pada ketika itu, ramai tukang tekat yang pandai dalam pembuatan tekat untuk kegunaan istana. Raja Nuteh Aishah yang merupakan permaisuri kepada Sultan Idris I iaitu Sultan Perak yang ke-28 dan puteri kepada Sultan Yusuf Sharifuddin iaitu Sultan Perak ke-27 merupakan tukang tekat yang mahir. Raja Nuteh Aishah juga sering kali mempersembahkan tekatnya sebagai hadiah dan untuk kegunaan Sultan Idris I sendiri serta kerabat lain. Dalam penghasilan seni tekat, Raja Nuteh Aishah akan menggunakan hasil tekatnya dalam majlis tertentu atau majlis istimewa seperti istiadat perkahwinan kerabat diraja, istiadat pertunungan kerabat diraja, majlis khatam Al-Quran, berkhutan dan bertindik bagi menampakkan kemewahan dalam majlis tersebut. Seni tekat yang diperkenalkan oleh golongan kerabat diraja juga turut dipindahkan kemahiran ini kepada golongan rakyat yang mewarisi legasi ketinggian seni penhasilan kraf seni tekat yang penuh dengan nilai kearifan lokal.

Kearifan lokal sebenarnya merujuk kepada segala kebijaksanaan yang didasari oleh nilai-nilai kebaikan yang diterap dan diadaptasikan oleh sesebuah masyarakat agar ia disambung secara turun temurun berdasarkan pengalaman dan ilmu daripada nenek moyang mereka. Kearifan lokal ini juga menjadi sebahagian daripada budaya sesebuah masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa masyarakat itu sendiri. Kajian ini lebih memfokuskan serta mengangkat kearifan lokal menerusi kreativiti penghasilan seni tekanan oleh tokoh tempatan dari negeri Perak. Kearifan lokal ini merangkumi dari aspek penciptaan motif, kaedah penghasilan tekat, penciptaan objek utiliti seni tekat dan juga bagaimana objek seni tekat ini relevan dengan adat budaya melayu.

Oleh itu, beberapa tokoh tempatan dari negeri Perak telah diberi tanggungjawab untuk mempertahankan seni kraf tekat seperti Anatishaah bt. Bilai Din, Ahdijah bt. Hasim dan Hajah Azizah Mohamad Yusof oleh Kerajaan Malaysia bagi usaha untuk memperkenalkan seni warisan Melayu. Kearifan lokal atau lebih dikenali sebagai kearifan tempatan adalah berdasarkan kombinasi dua perkataan Inggeris iaitu ‘wisdom’ bermaksud kebijaksanaan dan hikmah manakala ‘local’ memberi

makna setempat. Pemahaman secara umum mengenai kearifan lokal ini adalah mengenai kepandaian tempatan yang memiliki nilai-nilai baik, hikmah, diperaktikkan dan diikuti oleh masyarakat (Giska, 2013: 614; Muhammad Din 2017:1048).

MENGENALI LEGASI GENERASI SENI TEKAT


Hajah Azizah merupakan tokoh yang amat terkenal dalam bidang kraf tekat sehingga hari ini. Pelbagai jasa dan kejayaan beliau, telah dikecapi dalam meneruskan legasi seni kraf tekat ini. Hajah Azizah yang kini berusia 83 tahun merupakan pengusaha kraf seni tekat benang emas dan penerima Anugerah Tokoh Kraf Negara 2018 sempena Hari Kraf Kebangsaan. Beliau lahir pada tanggal 28 Januari 1938 di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak. Sepanjang berkecimpung dalam penghasilan seni tekat ini, beliau menyatakan bahawa ilmu seni tekat ini dipelajari daripada arwah nenek dan arwah ibu sejak di bangku sekolah lagi. Arwah nenek dan ibunya merupakan tukang tekat mahir yang sering mendapat tempahan daripada keluarga golongan diraja dan orang kenamaan di Perak sekitar tahun 20-an dan 30-an.



Gambar 2: Mardziah binti Abu Kassim Bersama Ibunya Adiguru Seni Kraf Tekat
Sumber: Peribadi Penulis

Kini, ilmu beliau telah diwarisi oleh salah seorang anaknya iaitu Mardziah binti Abu Kassim yang juga waris sulung dalam kemahiran seni tekatan ini. Mardziah binti Abu Kassim merupakan cahaya mata Hajah Azizah yang dilahirkan pada 17 Januari 1969. Beliau merupakan anak jati kelahiran Air Tawar, Perak dan anak ke-8 daripada 9 orang adik-beradik. Marziah sekeluarga pada awalnya membesar di Air Tawar, Perak kerana ayahnya bekerja di RISDA lalu berhijrah ke Kuala Kangsar dan membuka perniagaan kraf tekat bersama ibunya selaku pemilik Syarikat Gesamas Sendirian Berhad.

Lokasi keberadaan perusahaan seni kraf tekat oleh Mardziah terletak di Bukit Chandan dalam daerah Kuala Kangsar.



Gambar 3: Peta Lokasi Keberadaan Bukit Chandan

Sumber: Koleksi Internet

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berfokus pada pendekatan kajian kes. Penyelidikan bersifat kualitatif ini turut menganalisis data secara induktif dan deskriptif dengan memberi makna serta kajian kes dilapangan. Instrumen kajian ini pula lebih memfokuskan kepada pemerhatian, kajian lapangan, temu bual seni berstruktur dan analisis artifikat. Kaedah penelitian terhadap artifikat seni tekat direkodkan secara visual dalam situasi yang sebenar. Pengumpulan data pula berdasarkan situasi yang sebenar di mana penyelidik terlibat dalam kerja lapangan yang dilakukan secara pemerhatian dan merekod dalam situasi yang sebenar. Kajian ini memberi fokus kepada makna, dan dijelaskan secara deskriptif dengan hasil bahasa yang ekspresif supaya penyelidikan ini dapat menarik perhatian pembaca.

HASIL DAPATAN / PERBINCANGAN

Seni kraf tekat sememangnya telah lama bertapak di negeri Perak sejak zaman pemerintahan kesultanan Melayu terdahulu. Negeri ini telah melahirkan ramai tokoh dan penggiat seni tekat tempatan seperti Ainatishah Bilal Din, Ahdijah Hasim dan Hajah Azizah Mohamad Yusof. Kajian ini secara tidak langsung membuktikan kearifan lokal dalam seni tekat telah diwarisi secara turun temurun dan masih bertahan sehingga kini. Kearifan lokal atau lebih dikenali sebagai kearifan tempatan adalah melibatkan kepakaran dan kemahiran seseorang individu tempatan terhadap sesuatu bidang. Menurut Aslan (2017: 14), istilah “Local Wisdom” adalah sama dengan istilah “Local Knowledge” dan “Local Genius”. Beliau mengaplikasikan istilah kearifan tempatan dalam membuat gambaran untuk budaya yang diamalkan oleh masyarakat, dijadikan panduan dan sebagai warisan. Hal ini melibatkan warisan dalam aspek budaya, adat istiadat dan agama. Manakala, menurut Hasbullah (2012: 124) kearifan tempatan ditakrifkan sebagai satu perkara yang bersifat praktikal yang berlangsung dan diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain di mana terhasil daripada kebiasaan hidup.

Oleh itu, kajian ini memilih Mardziah sebagai responden primer kerana beliau merupakan waris sulung Hajah Azizah. Bagi menelusuri makna kearifan lokal dengan lebih mendalam mengenai kajian ini, lokasi tumpuan penghasilan tekatan yang terdapat di daerah Kuala Kangsar menjadi pilihan. Daerah ini merupakan lokasi pusat kegiatan seni tekat iaitu Syarikat Gesamas Sendirian Berhad. Kini, perusahaan

tekat di Syarikat Gesamas telah diwarisi kepada Mardziah binti Abu Kassim. Kearifan Mardziah dalam penghasilan tekat ini dapat diperhatikan menerusi hasil dan inovasi kerjasama kreativiti beliau sepanjang berkecimpung dalam bidang seni kraf tersebut.

Selain itu, Mardziah turut melibatkan diri dalam sesi demonstrasi bersama ibunya yang berperanan sebagai jurutunjuk penghasilan seni tekat sejak di bangku sekolah lagi. Beliau senantiasa mengikuti dan melihat perkembangan semasa ibunya melalui pelbagai program dan pameran. Pembelajaran secara informal menerusi pemerhatian dan praktis inilah yang dijadikan sebagai landasan bagi kelangsungan kearifan lokal seni pembuatan tekat Perak. Mardziah turut menyatakan dalam sesi temu bual, “Saya tetap berusaha menyambung warisan seni tekat benang emas yang diturunkan sejak zaman nenek moyang terdahulu walaupun tidak mempunyai pembelajaran yang khusus mengenai seni kraf tekat ini”. Hal ini membuktikan bahawa tanpa pendidikan yang khusus seseorang individu mampu meningkatkan tahap kemahiran dengan daya usaha yang tinggi. Kemahiran dan pengetahuannya sentiasa berkembang dengan kaedah tunjuk cara dan bimbingan secara praktis.



Gambar 3: Aktiviti Demonstrasi Mardziah Bersama Pelajar
Sumber: koleksi peribadi penulis

Kearifan ilmu berkaitan seni tekat yang diwarisi oleh beliau membolehkan Mardziah diundang sebagai jurutunjuk seni tekat Perak daripada pelbagai institusi seperti Kraftangan Malaysia, UPEN, Jabatan Pembangunan Wanita dan agensi swastar. Ilmu kemahiran seni tekat Mardziah turut dilibatkan bagi penghasilan KSSM silibus Buku Teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 di mana beliau menjadi rujukan untuk mendapatkan pelbagai data dan maklumat terutamanya penelitian mengenai latar belakang serta proses penghasilan kraf seni tekat.


Selain itu, beliau pernah berkolaborasi bersama pereka fesyen terkenal seperti Rizman Ruzaini dan Jimmy Choo. Sentuhan beliau dalam mengimplimenterkan kesan seni tekat pada rekaan pakaian dan kasut turut menarik perhatian para pereka dan pelanggan. Rizman Ruzaini sangat terkenal dengan rekaan fesyen yang terkemuka di Malaysia malah di peringkat global.



Gambar 4: Foto Rizman Ruzaini Bersama Model yang Meragakan Pakaian Implimentasi Seni Tekat Benang Emas

Sumber: Rizman Ruzaini

Rizman Ruzaini mengadaptasikan seni tekat pada koleksi rekaan pakaian dan telah memilih Mardziah sebagai individu yang melaksanakan proses awal penghasilan reka corak seni tekat pada fabrik. Dengan berbekalkan pengalaman kreatif dan praktis, beliau Berjaya mengeksplorasi seni tekat dengan pelbagai jenis fabrik.



Gambar 5: Rekaan Busana Rizman Ruzaini Berdasarkan Seni Tekat Benang Emas Bermotifkan Bunga Kekwa

Sumber: Rizman Ruzaini

Kreativiti Mardziah sebagai tukang seni tekat telah dimanipulasikan pada koleksi rekaan Rizman Ruzaini dengan memberi peluang kepada beliau menginovasikan kesan tekat dalam bentuk busana yang berasaskan kontemporari moden. Motif yang ditampilkan iaitu motif bunga kekwa pada rekaan tersebut adalah atas persetujuan bersama dengan meneliti kesesuaian setiap sudut pandang terhadap struktur busana tersebut. Kejayaan kolaborasi ini sedikit sebanyak membantu Mardziah untuk dikenali dalam kalangan pereka fesyen atas kemahiran beliau dalam seni kraf tekat ini.

Selain itu, Mardziah turut berkolaborasi bersama pereka kasut terkenal iaitu Jimmy Choo. Jimmy Choo telah memilih beliau sebagai tenaga pakar dalam memberi nafas baru terhadap ragam hias rekaan

kasutnya. Kesan ragam hias seni tekat telah menghasilkan kasut yang direka kelihatan eksklusif dengan rekaan yang berasaskan kontemporari moden. Penggunaan dari pemilihan fabrik bagi rekaan kasut tersebut telah dihasilkan dengan inovasi kreatif Mardziah yang mengabungkan kemahiran kearifan dengan kehendak pasaran yang bersifat kontemporari. Selain itu juga, beliau turut menggabungkan rekaan seni tekat dengan nilai kepenggunaan dengan nilai estetika masih mengekalkan bahan asli benang emas, benang perak serta benang yang pelbagai kerana kolaborasi ragam hias rekaan tekat pada rekaan kasut rekaan Jimmy Choo ini telah membuktikan bagaimana kearifan lokal dapat diadaptasikan dalam penghasilan barang utiliti moden.



Gambar 6: Rekaan Kasut Kolaborasi Bersama Jimmy Choo

Sumber: Jimmy Choo

Insiatif ini adalah salah satu usaha dalam memperkenalkan seni tekat dalam industri fesyen di Malaysia malah di luar negara. Penglibatan pereka-pereka ini dapat membantu Mardziah untuk dikenali ramai dengan daya kreativiti dan kemahiran beliau terhadap seni tekat. Beliau turut berhasrat untuk menjadi penerus legasi ibunya iaitu Hajah Azizah seterusnya untuk mendapatkan gelaran Tokoh serta Adiguru Kraftangan Malaysia pada suatu hari nanti. Kemahiran dan kepakaran beliau sememangnya melayakkan untuk diangkat agar boleh dicontohi oleh semua masyarakat seterusnya generasi yang bakal meneruskan usaha dalam memelihara seni kraf tekat ini.

Selain itu, reka corak yang diinovasikan menjadikan seni tekat mempunyai nilai estetik yang tinggi berbanding rupa bentuknya yang rumit. Antara kepentingan dalam penghasilan seni tekat ialah perlu menghasilkan mempulur kerana rekaan ragam hias terbentuk dengan sempurna apabila mempulurnya diolah dengan sempurna. Sebagai contohnya, nilai estetik pada seni kraf tekat dapat dilihat jika reka bentuk mempulur menghasilkan kesan jalinan halus berseni apabila disulam dengan benang emas. Oleh itu, kekuatan reka bentuk mempulur dan teknik mampu menjadikan seni tekat ini mempunyai identiti dan keistimewaan yang mempamerkan keunikan rupa dan jiwa seni tekat Perak.


Kebanyakan motif seni tekat memfokuskan kepada motif flora kerana penghasilan sesuatu produk bermotifkan flora lebih terkenal dalam kalangan pereka seni tekat berbanding motif fauna dan geometri. Antara motif sumber alam yang digunakan oleh Mardziah ialah;



Gambar 7: Bunga Kekwa

Sumber: Koleksi Pinterest

Chrysanthemum nama saintifik bagi bunga kekwa. Bunga daripada keluarga *Asteraceae* ini banyak dilihat di Asia dan Eropah Timur. Di Malaysia, bunga kekwa juga banyak ditanam di Cameron Highland yang bersuhu sejuk. Mempunyai keunikan dari segi rupa dan bentuk serta jalinan kelopak berlapis telah dijadikan sumber inspirasi pengolahan idea motif dalam seni tekat. Apresiasi tukang seni tekat dalam mengolah semula rupa bentuk bunga kekwa membuktikan kearifan lokal pembuat seni tekat terhadap keindahan flora.



Gambar 8: Lakaran Motif Bunga Kekwa

Sumber: Koleksi Peribadi

Dalam dunia kraf seni tekat, penekat banyak menggunakan motif bunga kekwa dengan cara tradisional iaitu tekat timbul benang emas yang banyak digunakan dalam penghasilan kraftangan seperti kotak perhiasan, bantal hiasan perkahwinan dan barang cenderahati. Namun menerusi kearifan lokal dan kreativiti Mardziah dalam membuat tekat, beliau telah memindahkan ragam hias seni tekat. Olahan ragam hias bunga kekwa yang dipindahkan ke rekaan buasana juga disesuaikan dengan reka letak yang harmoni dan elegan bagi pengayaan busana kontemparori tradisional. Idea gabungan seni tekat bersama rekaan fesyen telah menyorot bagaimana makna rupa dan jiwa seni tekat dapat berevolusi dengan perubahan semasa.



Gambar 9: Pokok Bunga Cengkeh
Sumber: Koleksi Pinterest

Syzygium aromaticum atau *Eugenia aromaticata* adalah nama saintifik bagi bunga cengkeh. Dalam dunia masakan bunga cengkeh merupakan daripada kumpulan keluarga herba atau rempah ratus yang mempunyai banyak khasiat dan selalunya, bunga cengkeh ini digunakan dalam masakan kerana mempunyai aroma yang unik.



Gambar 10: Lakaran Motif Bunga Cengkeh
Sumber: Koleksi Peribadi

Masyarakat terdahulu banyak mengilhamkan bunga cengkeh sebagai satu motif flora dalam seni tekat. Hal ini kerana, kebanyakan motif bunga cengkeh dapat menonjolkan kehalusan, ketelitian dan kekemasan dalam menghasilkan produk tekat. Kraftangan seperti alat perhiasan, bantal, dan pelamin perkahwinan banyak menggunakan motif bunga cengkeh yang secara simboliknya juga memberi bayangan tentang konsep kekeluargaan, dalam budaya Melayu.

Justeru dapat dibuktikan unsur alam seperti motif flora banyak digunakan sebagai mempelur tekat benang emas berbanding dengan motif fauna maupun geometri. Hal ini kerana, motif flora lebih sangat dekat dengan falsafah budaya Melayu, yang mana alam semula jadi adalah sebagai sumber idea, rujukan demi bersesuaian dengan pegangan, kepercayaan berdasarkan yang mana mengesakan ciptaan pencipta.

RUMUSAN

Kearifan lokal dalam seni tekat oleh Mardziah binti Abu Kassim sebagai tukang kraf tempatan adalah sesuatu yang perlu diteladani oleh masyarakat dan generasi mendatang. Hal ini adalah untuk memastikan tradisi Melayu tidak mati ditelan zaman. Kreativiti beliau dalam menampilkan suatu pembaharuan dalam seni kraf ini dapat membantu untuk memvariasikan produk kraf tempatan. Beliau

juga boleh dijadikan sumber inspirasi sebagai seorang waris sulung Hajah Azizah yang berani mencabar diri bagi mengambil tanggungjawab untuk meneruskan legasi pembuatan seni kraf tekat.

Kejayaan dan pencapaian beliau kolaborasi bersama beberapa pereka terkenal menjadikan seni tekat lebih dikenali dan boleh dijadikan sumber idea terutamanya dalam bidang tekstil dan fesyen. Kesan ragam hias tekat pada rekaan mampu membuka mata dan menarik perhatian penggemar fesyen dalam menampilkan rupa bentuk yang eksklusif secara 2 dimensi dan 3 dimensi iaitu mewujudkan kesan tampak pada rekaan beliau. Sejak dahulu lagi kesan tekat sememangnya mewujudkan nilai keindahan pada reka corak pakaian dan barang perhiasan orang melayu yang menonjolkan rasa kemewahan.

Seni tekat telah lama dikenali ramai terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu. Setiap pihak yang berwajib dan agensi swasta serta masyarakat perlulah bersama-sama memainkan peranan dalam memulihara dan mencari inisiatif untuk mempromosikan dan memperkenalkan seni tekat ini kepada semua masyarakat dan generasi mendatang. Seni kraf tekat merupakan satu kearifan lokal yang perlu diwarisi oleh setiap ahli masyarakat memahami adaptasi kemahiran penghasilan produk seni kraf tekat melalui pendokumentasian dan pembelajaran mahupun sokongan penggunaan barang yang dihasilkan menerusi seni kraf tekat.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kearifan lokal legasi tokoh kraf seni tekat ini perlu dihayati, baik dari segi falsafah, makna dan penggunaannya dalam budaya Melayu yang secara signifikannya mempamerkan tingginya nilai seni budaya Melayu sebagai seni kraf yang mempamerkan rupa dan jiwa penciptanya.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas bantuan kewangan yang bagi geran Penyelidikan Peradaban dan Warisan Melayu kod: (2021-0013-106-01). Ucapan Terima kasih juga buat rakan penyelidik Profesor Dr. Tajul Shuhaimi bin Said dan pembantu penyelidik Hazwan bin Chan Heng Aik dan Muhammad Fahmi bin Esham.

RUJUKAN

- Abd. Rasid Ismail. (2014). *Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi*. Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abdullah Yusuf, Mohd Nor, Mohd Roslan & Abdul Hamid, Faisal @ Ahmad Faisal. (2011). Islamic art. World Congress for Islamic History and Civilization, 10-11 Oktober 2011.
- Arba'iyah Ab. Aziz. (2018). *Simbolisme dalam motif songket Melayu Terengganu*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrai Hj. Abdullah. (2018). *My Journey Into Perak: Mining the state history*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Perak, Siri Sejarah Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah Hussin. (2006). *Motif alam dalam batik dan songket Melayu*.
- Perpustakaan Negara Malaysia.Herbert Read. (1946). *The Meaning of Art*. Faber.
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme dalam seni bina Melayu Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asyikin Mat Hayin. (2017, Ogos). Dimuat turun daripada:
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/08/252547/tangan-emas-nenek>
- Norwani Md. Nawawi. (2016). *Ikat Limar: The Ancient Malay Textile*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode edisi kedua*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paul, J., Kleinhammer, J., & Flowler, Kathleen. (2009). *Qualitative Research Methods*. Love Publishing Company.
- Siti Zainon Ismail. (1995). *Getaran Jalur dan Warna*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (2018). *Reka bentuk kraf tangan Melayu tradisi*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhana Sarkawi. (2017). Jejak Sulaman Kelingkan di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 28: 88-209.

Syed Ahmad Jamal. ed. (2007). The *Encloyclopedia of Malaysia, Volume 14, Craft and The Visual Arts*, (Siti Zainon Ismail (ed.) in Textiles and Embroidery). Archipelago Press.